



UM bantu jayakan Bandar Teknologi Hijau Melaka

PUSAT Penyelidikan Kuasa Elektronik, Pemacu Automasi dan Kawalan, Universiti Malaya (UMPEDAC) bersedia menjalinkan kerjasama dengan kerajaan Melaka dalam pelbagai bidang membabitkan teknologi hijau bagi menjayakan wawasan Negeri Bandar Teknologi Hijau.

Pengarah dan Pengasas UMPEDAC, Prof Dr Nasrudin Abd Rahim (**gambar**), berkata pihaknya menaruh keyakinan tinggi untuk meneruskan hasrat itu selepas tertarik dengan inisiatif hijau kerajaan negeri yang antara lain mewujudkan industri tenaga solar di Melaka.

"Sesuai dengan fokus UMPEDAC yang menumpu kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan tenaga solar dan tenaga diperbaharui, justeru kerjasama ini boleh dijalin bagi manfaat kedua-dua pihak.

"Saya yakin kedua-dua pihak boleh melakukan usaha sama ini bagi membantu memajukan lagi negeri ini seterusnya mencapai sasaran yang diharapkan," katanya ketika ditemui pada Majlis Meraikan Delegasi Mesyuarat Tenaga dan Teknologi Bersih (CET) serta Forum Kelestarian Tenaga dan Alam Sekitar (SEE) Kali Kelapan di Melaka, baru-baru ini.

Kira-kira 50 delegasi dari seluruh dunia menghadiri mesyuarat berkenaan yang diadakan selama tiga hari.

Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Mohd Md Yunus Husin.

Nasrudin berkata, tawaran sebuah rumah oleh kerajaan negeri kepada UMPEDAC bagi menjadikannya sebagai bangunan pintar adalah permulaan yang baik bagi